



**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
(PENGAJIAN SARJANA MUDA) 2024**

Edisi semakan 2024

KANDUNGAN

PERATURAN

BAHAGIAN I: PERMULAAN	1
1. Nama dan permulaan kuat kuasa	1
2. Pemakaian	1
3. Tafsiran	1
BAHAGIAN II: SYARAT KEMASUKAN	6
4. Syarat penerimaan masuk	6
5. Syarat penerimaan masuk laluan APEL	9
BAHAGIAN III: PENDAFTARAN PELAJAR	11
6. Pendaftaran Masuk Pelajar Baharu	11
7. Penangguhan Pendaftaran Masuk Pelajar Baharu	11
8. Pendaftaran Masuk Pelajar Sedia Ada	11
9. Pendaftaran Program Tahun Berjeda (Gap Year)	12
10. Pertimbangan Untuk Tidak Mendaftar Semester	12
11. Penangguhan Pengajian	12
12. Penangguhan Khas Pengajian	13
13. Gantung Pengajian	14
14. Status Pelajar	14
15. Bayaran	15
BAHAGIAN IV: PENGAJIAN	16
16. Bentuk Pendaftaran	16
17. Tempoh Pengajian	17
17A. Tambah Masa Pengajian	17
18. Struktur Pengajian	18
18A. Penulisan Ilmiah	18
19. Syarat Pemastautinan	19

BAHAGIAN V: PENDAFTARAN KURSUS	20
20. Pendaftaran Kursus	20
21. Pindaan Pendaftaran Kursus	20
22. Pemindahan Kredit	21
23. Pemindahan Kredit Secara Menegak (<i>Vertical</i>)	22
24. Pemindahan Kredit Secara Mendatar (<i>Horizontal</i>)	22
25. Pemindahan Kredit bagi Kelayakan APEL.C	23
26. Penyerapan Kredit Melalui Perkongsian Kod Kursus	23
27. Pendaftaran Semester Tiga (3) atau Semester Pendek	24
28. Pendaftaran Kursus Ulangan	25
29. Pertukaran Program Pengajian	25
BAHAGIAN VI: PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN	27
30. Peperiksaan Akhir	27
31. Penangguhan Peperiksaan	27
32. Peperiksaan Gantian	28
33. Peperiksaan Semula	28
34. Peperiksaan Ulangan Khas	28
35. Struktur Penilaian	29
36. Sistem Penilaian dan Purata Nilai Gred (PNG)	30
37. Penilaian Untuk Mendapatkan Ijazah	33
38. Pengurniaan Ijazah	34
39. Pengurniaan Ijazah Secara Anumerta (<i>Posthumous Degree</i>)	34
40. Jawatankuasa Pemeriksa	35
41. Anugerah Dekan	35
42. Peruntukan-peruntukan Lain	36
BAHAGIAN VII: RAYUAN	
43. Rayuan Untuk Menyemak Semula Keputusan Peperiksaan Akhir Kursus	37
44. Rayuan Untuk Meneruskan Semula Pengajian Setelah "Gagal dan Diberhentikan"	37

45. Rayuan Untuk Meneruskan Semula Pengajian Setelah "Diberhentikan Sebab Tidak Mendaftar"	38
BAHAGIAN VIII: AM	39
46. Umum	39
47. Pelajar Tanpa Ijazah	39
48. Kuasa Senat	39
49. Garis Panduan	39
50. Permulaan Kuat kuasa	40
51. Tanggungjawab Pelajar	40
52. Pemansuhan	40
53. Akta, Perlembagaan, Statut, Peraturan, Kaedah dan Lain-lain	40

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Sarjana Muda) 2024.
(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan mula berkuat kuasa pada tarikh yang diluluskan oleh Lembaga.

Pemakaian

2. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar yang mendaftar sesuatu program yang membawa kepada pengurniaan Ijazah Sarjana Muda pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini.

Tafsiran

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain–

“**APEL.A**” ertinya Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (*Accreditation of Prior Experiential Learning*) bagi tujuan Akses/Kemasukan ke Program Pengajian Tinggi;

“**APEL.C**” ertinya Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (*Accreditation of Prior Experiential Learning*) bagi tujuan penganugerahan kredit;

“**APEL.Q**” ertinya Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (*Accreditation of Prior Experiential Learning*) bagi tujuan penganugerahan kelayakan;

“**Ahli keluarga terdekat**” bermaksud suami, isteri, ibu kandung atau ibu angkat yang sah di sisi undang-undang, bapa kandung atau bapa angkat yang sah disisi undang-undang, ibu mertua, bapa mertua, anak kandung, anak angkat yang sah di sisi undang-undang, anak angkat de facto dan anak pelihara adik-beradik, nenek dan datuk kepada pelajar;

“**Anak angkat de facto**” ertinya seseorang pelajar yang berada dalam jagaan, sedang dibesarkan, ditanggung dan dididik oleh mana-mana orang atau pasangan suami isteri bersama tidak kurang dari dua (2) tahun;

“**Badan Profesional**” ertinya mana-mana badan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis bagi maksud mengawal selia suatu profesion dan kelayakannya atau mana-mana badan lain yang diiktiraf oleh Kerajaan;

“**Bayaran**” ertinya apa-apa yuran dan/atau pembayaran lain yang dikenakan oleh Universiti kepada pelajar bagi sesuatu program;

“**CEFR**” ertinya *The Common European Framework of Reference*;

“**Dekan**” ertinya ketua bagi sesuatu Fakulti yang dilantik oleh Naib Canselor;

“**Fakulti**” ertinya mana-mana Fakulti/Pusat/Institut di Universiti yang mengurniakan Ijazah;

“**Gred**” ertinya peringkat atau darjah yang menunjukkan pencapaian pelajar dalam sesuatu mata pelajaran;

“**IELTS**” ertinya *International English Language Testing System* yang ditawarkan oleh British Council;

“**Ijazah Anumerta**” ertinya *Posthumus Degree* atau penganugerahan Ijazah Sarjana Muda kepada seseorang pelajar yang tidak dapat menamatkan pengajian kerana meninggal dunia tertakluk kepada syarat-syarat ditetapkan dalam peraturan ini;

“**Jawatankuasa Rayuan**” ertinya suatu jawatankuasa yang ditubuhkan untuk menimbang rayuan terhadap keputusan peperiksaan;

“**Ketua Program**” ertinya seseorang staf akademik yang dilantik oleh Universiti bagi menyelaras sesuatu program;

“**Kredit**” ertinya nilai beban bagi satu (1) jam kredit yang bersamaan dengan jam belajar atau masa pembelajaran setara selama satu (1) semester pengajian;

“**Kursus**” ertinya sesuatu mata pelajaran yang ditawarkan di dalam syarat program pengajian;

“**Kursus Audit**” ertinya kursus yang diambil semata-mata untuk menambah pengetahuan dan prestasinya tidak diambil kira dalam pengiraan markah keseluruhan untuk keperluan pengijazahan;

“**MUET**” ertinya *Malaysian University English Test* yang ditawarkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia;

“**ODL**” ertinya *Open and Distance Learning* atau Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh yang merujuk kepada penawaran peluang pendidikan yang bersifat fleksibel dari sudut akses yang membebaskan pelajar dari kekangan masa dan tempat serta melibatkan penggunaan sistem penyampaian dan sumber pembelajaran melalui mod yang pelbagai;

“**Pascapendidikan menengah**” ertinya pendidikan yang diperolehi setelah tamatnya pengajian di peringkat sekolah menengah termasuk peringkat matrikulasi, ASASI, kolej dan kolej universiti;

“**Pelajar**” ertinya seseorang pelajar berdaftar Universiti yang mengikuti program Sarjana Muda di Universiti bagi sesuatu program;

“**Pelajar baharu**” ertinya pelajar yang telah menerima tawaran Universiti tetapi belum mendaftarkan diri untuk Program Pengajian;

“**Pelajar Tanpa Ijazah**” ertinya seseorang pelajar luar yang mendaftar dengan Universiti dan mengikuti satu atau sebahagian kursus daripada program pengajian di Universiti tetapi tidak membawa kepada pengurniaan apa-apa diploma atau Ijazah;

“Penangguhan Pengajian” ertinya tempoh sementara pelajar dibenarkan untuk tidak mengikuti pengajian;

“Penolong Pendaftar” ertinya seorang pekerja Universiti dalam kumpulan pengurusan dan profesional dalam klasifikasi perkhidmatan pentadbiran dan sokongan yang ditempatkan di entiti pentadbiran dan perkhidmatan akademik Universiti bagi pelajar dan ditanggungjawab dengan tanggungjawab sebagai ketua di entiti itu;

“Pendaftaran Kursus” ertinya proses pelajar mendaftar kursus tertentu dalam sesuatu program pengajian dalam tempoh yang ditetapkan;

“Peperiksaan” ertinya apa-apa cara atau kaedah penilaian yang membolehkan markah atau gred diberikan bagi sesuatu kursus atau sebahagian daripada kursus tertentu;

“Pemindahan Kredit” ertinya kredit yang telah diberikan oleh satu-satu program pengajian ke dalam program pengajian yang lain, sama ada semua program pengajian itu di dalam UKM atau salah satu daripadanya adalah program pengajian di luar UKM;

“Pemindahan Kredit Secara Menegak (*Vertical*)” ertinya pemindahan kredit daripada satu (1) program pengajian ke program pengajian yang lain pada tahap pengajian yang lebih tinggi bagi seseorang pelajar daripada mengambil semula kursus yang setara yang telah diambil daripada institusi pascapendidikan yang telah mendapat kelulusan Fakulti;

“Pemindahan Kredit Secara Mendatar (*Horizontal*)” ertinya pemindahan kredit daripada satu (1) program pengajian ke program pengajian yang lain pada tahap pengajian yang sama dan mendapat kelulusan Fakulti;

“Penulisan Ilmiah” merujuk kepada disertasi / tesis bagi memenuhi keperluan projek akhir yang ditetapkan oleh Fakulti;

“Penyerapan Kredit Melalui Pengkongsian Kod Kursus” ertinya kredit kursus yang diambil oleh pelajar di institusi tuan rumah (*host institution*) yang disampaikan dan dikendalikan oleh satu atau lebih institusi tuan rumah (*host institution*). Institusi asal (*home institution*) ialah institusi yang menganugerahkan Ijazah, manakala institusi tuan rumah (*host institution*) ialah institusi berkolaborasi yang menawarkan kursus.

“Program Berterusan Jarak Jauh (PBJJ)” ertinya pengajian yang ditawarkan dan diikuti secara jarak jauh di universiti;

“Program Arus Perdana” ertinya program yang ditawarkan oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Sistem UPU;

“Program Komersial” ertinya program seperti program pengajian eksekutif, PBJJ dan ODL yang ditawarkan oleh Unit Perniagaan Strategik (SBU) seperti Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape);

“Peperiksaan Ulangan Khas” ertinya peperiksaan yang dijalankan bagi pelajar yang hanya memerlukan satu (1) kursus sahaja untuk tujuan bergraduasi;

“Pindah Kredit Dengan Gred” ertinya pindah kredit secara mendatar bagi pelajar yang berada dalam sistem (pelajar masih dalam pengajian). Kredit dikira dalam kredit bergraduasi pelajar dan gred kursus diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK);

“Pindah Kredit Tanpa Gred” ertinya pindah kredit secara menegak atau mendatar bagi pelajar yang telah keluar daripada sistem (pelajar telah tamat pengajian) atau telah mencapai tahap kompetensi dalam kursus berkenaan yang juga dipanggil sebagai pengecualian kredit. Kredit kursus yang dipindahkan diambil kira dalam kredit bergraduasi tetapi gred kursus tidak diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar;

“PNG (Purata Nilai Gred)” ertinya purata mata nilai gred yang diperolehi dalam satu (1) semester;

“PNGK (Purata Nilai Gred Kumulatif)” ertinya purata himpunan mata nilai yang diperolehi bagi semua semester yang telah diikuti;

“Program Pengajian” ertinya struktur pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam bidang tertentu;

“Program Profesional” ertinya program yang tertakluk kepada keperluan Badan Profesional;

“PTj Pengurus Akademik atau Pusat Tanggungjawab Pengurus Akademik” ertinya entiti yang menguruskan hal ehwal akademik bagi program pengajian Sarjana muda;

“Semester” ertinya sistem pengajian yang menggunakan tempoh masa yang ditetapkan oleh Senat di dalam sesuatu sesi;

“Semester Tiga (3) atau Semester Pendek” ertinya semester pendek atau semester yang dilaksanakan mengikut keperluan program;

“Senat” ertinya Senat Universiti Kebangsaan Malaysia;

“Sesi” ertinya tahun akademik yang tarikhnya ditetapkan oleh Senat;

“Tahun Berjeda (Gap Year)” ertinya pelajar berehat dari mengikuti pengajian dalam tempoh minimum selama satu (1) semester dan tempoh maksimum adalah selama satu (1) tahun kalendar akademik untuk mengikuti program kesukarelawanan dan khidmat masyarakat seperti *Gap Year* Khidmat Negara, *Gap Year* Sukarelawan dan *Gap Year* Umum. Pelajar yang layak menyertai program *Gap Year* mestilah warganegara Malaysia sahaja;

“Tempoh maksimum pengajian” ertinya bilangan maksimum semester yang dibenarkan bagi menamatkan sesuatu program pengajian;

“TOEFL” ertinya *Test of English as a Foreign Language* yang ditawarkan oleh *Educational Testing Services International*;

“Tempoh Pemastautin” ertinya masa keberadaan (fizikal/bukan fizikal) pelajar di premis yang menganugerahkan kelayakan selepas pelajar mendaftar untuk mengikuti program pengajian di PPT tersebut;

“Universiti Awam Peneraju (UAP)” ertinya Universiti Awam yang menjalankan program kerjasama *Gap Year* dengan organisasi (rakan strategi);

“Universiti” ertinya Universiti Kebangsaan Malaysia.

Singkatan

No	Singkatan	Maksud
1.	APEL	<i>Accreditation of Prior Experiential Learning</i>
2.	APEL.A	<i>Accreditation of Prior Experiential Learning (Access)</i>
3.	APEL.C	<i>Accreditation of Prior Experiential Learning (Credit)</i>
4.	APEL.Q	<i>Accreditation of Prior Experiential Learning (Academic Qualification)</i>
5.	MQA	<i>Malaysian Qualification Agency (Agensi Kelayakan Malaysia)</i>
6.	NGMP	Nilai Gred Mata Pelajaran
7.	PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif
8.	PPT	Pemberi Pendidikan Tinggi
9.	SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
10.	STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
11.	STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
12.	TVET	<i>Technical and Vocational Education and Training (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional)</i>
13.	UAP	Universiti Awam Peneraju

BAHAGIAN II
SYARAT KEMASUKAN

Syarat Penerimaan Masuk

4. Syarat-syarat Am

Calon yang ingin mengikuti program pengajian Ijazah Sarjana Muda di Universiti hendaklah memenuhi syarat-syarat am berikut:

(1) Keperluan Pelajaran Asas

(a) Sijil Pelajaran Asas

Calon mestilah lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan yang setaraf dengannya dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu atau kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu Kertas Julai dan lulus mata pelajaran Sejarah.

atau:

Bagi calon luar negara, calon hendaklah telah melengkapkan 12 tahun pembelajaran di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah atas;

dan:

(b) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)

Calon mestilah lulus Peperiksaan STPM dengan mendapat sekurang-kurangnya Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 2.00 dengan Gred C dalam tiga (3) mata pelajaran termasuk Pengajian Am;

atau:

(c) Sijil Matrikulasi/ Asasi

Calon mestilah lulus Matrikulasi/ Asasi dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

atau:

(d) Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)

Calon mestilah lulus STAM dengan mendapat sekurang-kurangnya Pangkat Jayyid;

atau:

(e) Diploma/Setaraf

Calon mestilah memiliki kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat. Calon lepasan diploma TVET perlu memiliki kelulusan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) atau Diploma

Vokasional Malaysia (DVM) yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat (syarat khas program mengikut jenis program yang ditawarkan di Fakulti).

atau:

- (f) Lulus peperiksaan STPM tahun sebelumnya dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam tiga (3) mata pelajaran termasuk Pengajian Am;

atau:

- (g) Lulus Sijil Matrikulasi tahun sebelumnya dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

atau:

- (h) Lulusan Pra-U Sekolah Sukan Malaysia/ GCE A-Level/ International Baccalaureate Diploma/ Australian Matriculation (AUSMAT) serta kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat.

atau:

- (i) Bagi calon luar negara, calon hendaklah memiliki Sijil Sekolah Menengah Atas (seperti Higher Secondary Certificate, Senior Secondary School Graduation Certificate, Tawjihyah, Ijazah Sekolah Menengah Atas atau High School Diploma);

dan:

- (j) Malaysian University English Test (MUET).

Calon-calon mestilah mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1.0 (Band 1.0) dalam (MUET) untuk keputusan yang diperolehi mulai Sesi 1 Tahun 2021 atau Tahap 1 (Band 1) untuk keputusan tahun 2020 dan sebelumnya;

dan:

Calon-calon mestilah memenuhi keperluan syarat khas MUET kemasukan ke program pengajian yang berkenaan yang diluluskan Senat;

atau:

Bagi calon luar negara atau calon warganegara berkelayakan luar negara hendaklah memenuhi syarat minimum keperluan Bahasa Inggeris mengikut syarat kemasukan ke program pengajian tertentu berdasarkan skor ujian kompetensi Bahasa Inggeris yang diluluskan Senat seperti yang dinyatakan pada Jadual 1.

- (k) Calon boleh diberi pengecualian kompetensi Bahasa Inggeris seperti yang telah ditetapkan oleh program atau dalam standard program daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sekiranya:

- (i) Calon tersebut adalah calon luar negara yang berasal daripada negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi;

atau:

- (ii) Calon menggunakan kelayakan akademik dari institusi yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sepenuhnya;

atau:

- (iii) Calon dengan kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat.

dan:

(l) Kelayakan lain

Calon mestilah memenuhi keperluan syarat khas kemasukan ke program pengajian tertentu yang diluluskan Senat.

(2) Syarat-syarat Masuk Yang Lain

(a) Calon-calun mestilah juga:

- (i) mengambil apa-apa ujian serta menghadiri temuduga seperti yang ditentukan oleh Senat untuk menilai kelayakan mereka mengikuti kursus di Universiti;
- (ii) menunjukkan lazimnya bahawa mereka berumur tujuh belas (17) tahun atau lebih pada hari pertama tahun akademik semasa permohonan kemasukan ke Universiti;
- (iii) menunjukkan bukti dalam borang yang disediakan oleh Universiti atau apa-apa dokumen lain bahawa mereka adalah cukup sihat dan berupaya untuk mengikuti kursus pengajian di Universiti;

dan:

- (iv) memenuhi apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Senat dari semasa ke semasa.

(3) Walau apapun syarat yang dinyatakan di dalam subperaturan 4(1) dan 4(2), dalam keadaan tertentu, penerimaan masuk calon ke Fakulti adalah tertakluk kepada perakuan Fakulti dan kelulusan Senat;

(4) Penerimaan masuk ke mana-mana Fakulti tidak semestinya bermakna bahawa seseorang calon dibenarkan memilih sendiri bidang pengkhususan dalam program pengajian tertentu di Fakulti itu walaupun ia mempunyai syarat-syarat khas yang ditetapkan. Pengagihan pelajar-pelajar ke bidang-bidang pengkhususan adalah ditetapkan mengikut budi bicara Fakulti. Walau bagaimanapun, keutamaan masuk ke bidang pengkhususan tertentu adalah bergantung kepada syarat-syarat Fakulti yang ditetapkan tertakluk kepada penyelarasan di peringkat Universiti.

(5) Walau apapun ketetapan pada peraturan 4, Senat boleh menetapkan syarat-syarat khas tambahan bagi kemasukan ke setiap program pengajian.

Syarat Penerimaan Masuk Laluan APEL

5. Syarat-syarat Am

Calon yang ingin mengikuti program pengajian Ijazah Sarjana Muda melalui laluan APEL di Universiti Kebangsaan Malaysia hendaklah memenuhi syarat-syarat am berikut: -

(1) Keperluan Asas

(a) Laluan APEL

Sijil APEL.A untuk MQF Tahap 6 (Ijazah Sarjana Muda) yang masih dalam tempoh sahlaku atau kemasukan secara laluan APEL.Q yang memenuhi syarat kemasukan ke MQF Tahap 6 (Ijazah Sarjana Muda);

(b) Malaysian University English Test (MUET)

Calon-calon mestilah mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1.0 (Band 1.0) dalam Malaysia University English Test (MUET) untuk keputusan yang diperolehi mulai Sesi 1 Tahun 2021 atau Tahap 1 (Band 1) untuk keputusan tahun 2020 dan sebelumnya;

dan:

Calon mestilah memenuhi keperluan syarat khas MUET kemasukan ke program pengajian yang berkenaan yang diluluskan Senat;

atau:

(c) Bagi calon luar negara atau calon warganegara berkelayakan luar negara hendaklah memenuhi syarat minimum keperluan Bahasa Inggeris mengikut syarat kemasukan ke program pengajian tertentu berdasarkan skor ujian kompetensi Bahasa Inggeris yang diluluskan Senat seperti yang dinyatakan pada Jadual 1.

(d) Calon boleh diberi pengecualian kompetensi Bahasa Inggeris seperti yang telah ditetapkan oleh program atau dalam standard program daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sekiranya: -

(i) Calon tersebut adalah calon luar negara yang berasal daripada negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi;

atau:

(ii) Calon menggunakan kelayakan akademik dari institusi yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sepenuhnya;

atau:

(iii) Calon dengan kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat.

(2) Syarat-syarat Lain

Calon-calon mestilah juga: -

- (a) mengambil apa-apa ujian serta menghadiri temuduga seperti yang ditentukan oleh Senat untuk menilai kelayakan mereka mengikuti kursus di Universiti;
 - (b) menunjukkan bukti dalam borang yang disediakan oleh Universiti atau apa-apa dokumen lain bahawa mereka adalah cukup sihat dan berupaya untuk mengikuti kursus pengajian di Universiti;
 - (c) memenuhi apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Senat dari semasa ke semasa.
- (3) Penerimaan masuk calon ke Fakulti bergantung kepada budi bicara Senat. Walau apapun syarat yang dinyatakan di dalam subperaturan 5(1) dan 5(2) dalam keadaan tertentu, penerimaan masuk calon ke Fakulti adalah tertakluk kepada perakuan Fakulti dan kelulusan Senat;
- (4) Penerimaan masuk ke mana-mana Fakulti tidak semestinya bermakna bahawa seseorang calon dibenarkan memilih sendiri bidang pengkhususan dalam program pengajian tertentu di Fakulti itu walaupun ia mempunyai syarat-syarat khas yang ditetapkan. Pengagihan pelajar-pelajar ke bidang-bidang pengkhususan adalah ditetapkan mengikut budi bicara Fakulti. Walau bagaimanapun keutamaan masuk ke bidang pengkhususan tertentu adalah bergantung kepada syarat-syarat Fakulti yang ditetapkan tertakluk kepada penyelarasan di peringkat Universiti;
- (5) Walau apapun ketetapan pada peraturan 5, Senat boleh menetapkan syarat-syarat khas tambahan bagi kemasukan ke setiap program pengajian.

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN PELAJAR

Pendaftaran Masuk Pelajar Baharu

6. (1) Calon yang diterima masuk hendaklah mendaftar diri dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.
- (2) Calon tidak dibenarkan mendaftar selepas minggu keempat (ke-4) pada sesuatu semester bermula kecuali atas sebab yang diluluskan oleh Fakulti.
- (3) Walau apapun tempoh yang ditetapkan di bawah subperaturan 6(1) dan 6(2) calon boleh memohon untuk menangguhkan pendaftaran seperti pada peraturan 7.

Penangguhan Pendaftaran Masuk Pelajar Baharu

7. (1) Calon yang telah diterima masuk tetapi belum mendaftar disebabkan sakit atau menghadapi masalah lain yang boleh menjejaskan pembelajarannya, adalah dibenarkan membuat penangguhan pendaftaran masuk sebagai pelajar.
- (2) Semua permohonan penangguhan pendaftaran masuk hendaklah dibuat secara bertulis kepada PTj Pengurus Akademik berkaitan selewat-lewatnya dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh sesi pembelajaran bermula.
- (3) Tempoh maksimum yang dibenarkan penangguhan pendaftaran masuk adalah dua (2) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh tersebut tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum pengajian yang dibenarkan.
- (4) Calon dikehendaki membayar wang proses permohonan penangguhan pendaftaran masuk. Calon yang dibenarkan penangguhan pendaftaran masuk tidak dianggap sebagai pelajar yang berdaftar dan tidak layak menggunakan sebarang kemudahan yang disediakan oleh Universiti.
- (5) Calon yang telah diterima masuk tetapi gagal mematuhi tempoh yang ditetapkan di bawah subperaturan 7(2) adalah dianggap menolak tawaran dan tawaran adalah terbatal.

Pendaftaran Masuk Pelajar Sedia Ada

8. (1) Pelajar sedia ada hendaklah mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan pada setiap semester/ sesi bermula.
- (2) Pelajar sedia ada yang tidak mendaftar dalam tempoh empat (4) minggu selepas semester/ sesi bermula tanpa mendapatkan kebenaran secara bertulis untuk menangguhkan pengajian daripada Dekan Fakulti sepertimana subperaturan 11 akan diberikan status "Diberhentikan Sebab Tidak Mendaftar".
- (3) Pelajar yang telah diberhentikan di bawah subperaturan 8(2) boleh membuat rayuan secara bertulis kepada Dekan Fakulti untuk meneruskan semula pengajian dengan syarat tidak melebihi dua (2) semester berturut-turut dan pelajar akan dikenakan bayaran proses permohonan dan bayaran denda lewat mendaftar seperti yang ditetapkan oleh Universiti.

- (4) Tempoh tidak mendaftar dalam subperaturan 8(3) akan dikira sebagai tempoh Tangguh Pengajian dan tertakluk kepada tempoh penangguhan yang dibenarkan.

Pendaftaran Program Tahun Berjeda (*Gap Year*)

9. (1) Seseorang pelajar boleh memohon untuk mengikuti program Tahun Berjeda (*Gap Year*) tertakluk kepada pelajar memenuhi kriteria atau syarat yang ditetapkan oleh Universiti Awam Peneraju (UAP) atau agensi berkenaan;
- (2) Pelajar perlu mengemukakan permohonan kepada Dekan Fakulti untuk mengikuti program Tahun Berjeda (*Gap Year*). Permohonan hanya boleh dilakukan satu (1) kali sahaja iaitu selepas satu (1) tahun pengajian di universiti. Tempoh maksimum yang dibenarkan adalah tidak melebihi 1 tahun kalendar akademik.
- (3) Tempoh keterlibatan dalam program Tahun Berjeda (*Gap Year*) tidak diambil kira sebagai tempoh pengajian mahupun penangguhan pengajian.
- (4) Seseorang pelajar yang telah diluluskan mengikuti program Tahun Berjeda (*Gap Year*) adalah tidak dibenarkan untuk menangguhkan program Tahun Berjeda (*Gap Year*) yang sedang dilaksanakan kecuali atas sebab-sebab yang diluluskan oleh Dekan Fakulti. Walau bagaimanapun, pelajar boleh menangguhkan penglibatan bagi program Tahun Berjeda (*Gap Year*) ke semester berikutnya sekiranya belum mendaftar program Tahun Berjeda (*Gap Year*) dan pendaftaran masih dibuka tertakluk kelulusan.
- (5) Seseorang pelajar boleh menarik diri daripada program Tahun Berjeda (*Gap Year*) setelah mendaftar atau sedang menjalani program Tahun Berjeda (*Gap Year*) dengan memaklumkan secara bertulis kepada UAP dan agensi terlibat. Pelajar yang menarik diri setelah mendaftar atau semasa menjalani program Tahun Berjeda (*Gap Year*) tidak akan dipertimbangkan untuk menyertai program Tahun Berjeda (*Gap Year*) pada masa hadapan.
- (6) Seseorang pelajar juga boleh ditamatkan penglibatan dalam program Tahun Berjeda (*Gap Year*) jika melanggar peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti dan agensi.

Pertimbangan Untuk Tidak Mendaftar Semester

10. (1) Seseorang pelajar boleh memohon untuk tidak mendaftar pada sesuatu semester dengan syarat ia memohon secara bertulis kepada Dekan Fakulti dengan mengemukakan alasan tertakluk kepada Fakulti berpuas hati bahawa alasan tersebut akan menjejaskan pembelajarannya pada semester berkenaan.
- (2) Pelajar yang telah mendapat pengesahan daripada doktor bahawa ia telah hamil antara enam (6) hingga tujuh (7) bulan pada waktu pendaftaran dinasihatkan tidak mendaftar pada semester tersebut.
- (3) Tempoh tidak mendaftar dalam peraturan 10 akan dikira sebagai tempoh Tangguh Pengajian dan tertakluk kepada tempoh penangguhan yang dibenarkan.

Penangguhan Pengajian

11. (1) Pelajar boleh memohon untuk menangguhkan pengajian atas sebab yang munasabah dan tempoh penangguhan ini tidak akan diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum pengajian yang ditetapkan.

- (2) Tempoh penangguhan pengajian yang dibenarkan adalah minimum satu (1) semester dan tidak boleh melebihi dua (2) semester berturut-turut kecuali atas sebab kesihatan. Tempoh maksimum penangguhan pengajian yang dibenarkan adalah sebanyak empat (4) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.
- (3) Bagi program ODL tempoh penangguhan pengajian dibenarkan tidak melebihi tiga (3) semester berturut-turut kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh maksimum penangguhan pengajian yang dibenarkan ialah sebanyak empat (4) semester atau enam (6) semester bagi program ODL kecuali atas sebab-sebab kesihatan.
- (4) Bagi permohonan penangguhan atas sebab kesihatan, perakuan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan/ Universiti, Pegawai Perubatan Klinik Panel Universiti/ Ahli Psikologi Klinikal/ Kaunselor bertauliah Kerajaan/ Universiti adalah diperlukan. Perakuan daripada Pegawai Perubatan Hospital/ Klinik Swasta dan lain-lain di atas boleh dipertimbangkan dalam kes-kes tertentu sekiranya pelajar berkenaan telah menjalani rawatan dengan Pegawai Perubatan, Ahli Psikologi Klinikal atau Kaunselor bertauliah berkenaan terlebih dahulu. Sekiranya terdapat keraguan ke atas perakuan yang dikeluarkan oleh Pegawai Perubatan Hospital/Klinik Swasta, Fakulti boleh memohon pelajar mendapatkan pengesahan Pegawai Perubatan Kerajaan/Universiti, Ahli Psikologi Klinikal atau Kaunselor bertauliah kerajaan/universiti. Dalam kes kesihatan mental, kebenaran untuk mendaftar semula tertakluk kepada perakuan Pegawai Perubatan Hospital/Klinik Swasta sepertimana di atas yang mengesahkan bahawa pelajar boleh meneruskan pengajian.
- (5) Pelajar yang menghadapi masalah selain yang dinyatakan di bawah subperaturan 11(4) boleh juga diberi penangguhan pengajian tertakluk kepada Fakulti berpuas hati bahawa permasalahan itu akan menjejaskan pembelajaran pelajar pada semester berkenaan.
- (6) Permohonan penangguhan pengajian bagi pelajar yang tidak mendaftar diri hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu daripada tarikh sesuatu semester bermula. Bagi pelajar yang mendaftar diri, permohonan penangguhan pengajian hendaklah dilakukan sehingga minggu ke-10. Permohonan selepas minggu ke-10 tidak akan dipertimbangkan tetapi pelajar hendaklah memohon untuk menanggung peperiksaan kecuali atas sebab kesihatan.
- (7) Pelajar yang tidak memohon penangguhan atau gagal mematuhi tempoh yang ditetapkan akan diberikan status "Diberhentikan Sebab Tidak Mendaftar".
- (8) Semua permohonan untuk menangguhkan pengajian hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan Fakulti dalam tempoh yang ditetapkan dan diperakukan oleh Mesyuarat Fakulti. Keputusan yang dikeluarkan oleh Mesyuarat Fakulti adalah muktamad.
- (9) Bagi pelajar antarabangsa, proses pembatalan Pas Pelajar akan dilakukan oleh pihak Universiti dan pelajar dikehendaki pulang ke negara asal.

Penangguhan Khas Pengajian

12. (1) Calon yang ditawarkan tetapi belum mendaftar dan pelajar sedia ada boleh memohon untuk penangguhan khas pengajian. Penangguhan khas ini tidak akan diambil kira dalam kiraan semester yang dibenarkan untuk tangguh seperti yang disebut di bawah subperaturan 11(2) dan 11(3).

- (2) Syarat-syarat bagi membolehkan pelajar memohon penangguhan khas adalah seperti berikut:
- (a) sekatan kemasukan ke Malaysia oleh Kerajaan Malaysia;
 - (b) sekatan keluar dari negara asal akibat peperangan atau wabak penyakit; atau
 - (c) bencana/ krisis luar jangka dan luar kawalan
- (3) Semua permohonan penangguhan khas pengajian ini hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan Fakulti dalam tempoh empat (4) minggu daripada tarikh semester bermula berserta bukti-bukti yang bersesuaian bagi memenuhi perkara yang dinyatakan di bawah subperaturan 12(2) tersebut tertakluk maksimum dua (2) semester sepanjang tempoh pengajian.

Gantung Pengajian

13. Pelajar boleh digantung daripada pengajian sekiranya dituduh atas kesalahan jenayah dan boleh dikenakan hukuman gantung pengajian sekiranya disabitkan atas kesalahan berkaitan untuk tempoh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib. Pelajar tidak layak menuntut balik yuran pengajian termasuk yuran Universiti dan pelajar tidak layak menggunakan sebarang kemudahan yang disediakan oleh Universiti sepanjang tempoh penggantungan pengajian tersebut.

Status Pelajar

14. Status pelajar adalah seperti berikut-

- (1) Pelajar akan diberi status aktif tertakluk kepada syarat-syarat berikut-
- (a) mendaftar sebagai pelajar dengan Universiti untuk mengikuti program pengajian pada tarikh yang ditetapkan;
 - (b) menjelaskan yuran pengajian tidak lewat dari tarikh yang ditetapkan; dan
 - (c) mendaftar kursus yang ditetapkan dalam pelan pengajian untuk semester berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.
- (2) Pelajar akan diberi status tidak aktif jika-
- (a) dikenakan hukuman gantung pengajian atau dibuang Universiti oleh Pihak Berkuasa Tatatertib;
 - (b) menangguhkan pengajian; atau
 - (c) diluluskan untuk tidak mendaftar.
- (3) Pelajar akan hilang status sebagai pelajar jika-
- (a) menarik diri dari pengajian;
 - (b) mendapat status "Diberhentikan Sebab Tidak Mendaftar" di bawah subperaturan 8(2) dan 11(7);

- (c) mendapat status “Gagal Dan Diberhentikan”;
 - (d) mendapat status “Diberhentikan Sebab Tata tertib”.
- (4) Pelajar yang mendapat status tidak aktif atau hilang status sebagai pelajar Universiti, tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan- kemudahan Universiti yang diberikan kepada pelajar sehingga pelajar mendapat kelulusan untuk mendaftar semula selepas tempoh berkenaan.
- (5) Keputusan menarik diri pengajian yang telah diluluskan oleh pihak Universiti adalah muktamad.

Bayaran

15. (1) Pelajar hendaklah menjelaskan semua bayaran kepada Universiti pada awal setiap semester di sepanjang tempoh pengajian.
- (2) Pelajar yang gagal menjelaskan apa-apa bayaran di bawah subperaturan 15(1) boleh-
- (a) disekat keputusan peperiksaannya;
 - (b) tidak dibenarkan mendaftar untuk semester berikutnya; dan
 - (c) dikenakan apa-apa tindakan lain yang ditetapkan oleh Universiti.

BAHAGIAN IV

PENGAJIAN

Bentuk Pendaftaran

16. (1) Tertakluk kepada Senat dan penawaran program pengajian, bentuk pendaftaran untuk program Sarjana Muda adalah seperti berikut:
 - (a) Sepenuh masa atau
 - (b) Separuh masa
- (2) Pelajar dibenarkan untuk memilih sama ada untuk mengikuti program pengajian secara sepenuh masa atau separuh masa tertakluk kepada penawaran program dan tempoh pengajian dikira dari tarikh pendaftaran yang pertama sehingga tamat pengajian.
- (3) Pelajar boleh memohon kepada Fakulti, untuk menukar status pendaftaran daripada sepenuh masa kepada separuh masa atau sebaliknya merujuk kepada syarat berikut:
 - (a) permohonan boleh dibuat sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian; dan
 - (b) permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan Fakulti dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh semester bermula.
- (4) Walau apapun, subperaturan 16(2) dan 16(3) tidak terpakai untuk penukaran bentuk pendaftaran dari Program Komersial kepada Program Arus Perdana.
- (5) Pelajar antarabangsa hendaklah mendaftar dan mengikuti semua program pengajian secara sepenuh masa sahaja, mulai dari tarikh pendaftaran yang pertama sehingga tamat pengajian.
- (6) Ekspatriat yang sedang berkhidmat di Malaysia dibenarkan untuk melanjutkan pengajian secara separuh masa tertakluk kepada peraturan berikut:
 - (a) Ekspatriat tersebut berada di Malaysia menggunakan Pas Pengajian;
 - (b) Ekspatriat hendaklah memohon kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk mendapatkan kebenaran belajar menggunakan Pas Pengajian sebelum mendaftar sebagai pelajar separuh masa;
 - (c) sekiranya kontrak ekspatriat/pekerja tamat atau ditamatkan atas sebarang sebab, ekspatriat hendaklah memohon Pas Pelajar daripada Jabatan Imigresen Malaysia dan hendaklah menukar bentuk pengajian ke sepenuh masa;
 - (d) sebarang perubahan tertakluk kepada peraturan Jabatan Imigresen Malaysia dari semasa ke semasa.

Tempoh Pengajian

17. (1) Pelajar hendaklah mengikuti kursus Ijazah Sarjana Muda dikira dari tarikh pendaftaran pertama untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda seperti berikut-
- (a) sekurang-kurangnya enam (6) semester dan tidak lebih daripada sepuluh (10) semester bagi program pengajian tiga (3) tahun;
 - (b) sekurang-kurangnya tujuh (7) semester dan tidak lebih daripada dua belas (12) semester bagi program pengajian empat (4) tahun;
 - (c) sekurang-kurangnya lima (5) sesi dan tidak melebihi tujuh (7) sesi bagi program pengajian Doktor Perubatan dan Doktor Pergigian sekurang-kurangnya lima (5) sesi dan tidak melebihi tujuh (7) sesi;
 - (d) pengajian Semester Tiga (3) atau Semester Pendek tidak diambilkira bagi menentukan jumlah semester maksimum pengajian yang dibenarkan kecuali bagi Program ODL;
 - (e) bagi program yang ditawarkan secara ODL, pelajar mesti mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda selama tidak kurang daripada sembilan (9) semester [program tiga (3) tahun] dan tidak melebihi tiga (3) kali ganda jumlah bilangan semester minimum mengikut struktur kurikulum yang ditetapkan Fakulti dikira dari tarikh pendaftaran pertama untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda;
 - (f) bagi program Profesional, tempoh minimum dan maksimum hendaklah tertakluk kepada ketetapan badan profesional; dan
 - (g) bagi program yang ditawarkan secara laluan APEL.Q, pelajar mesti mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda mengikut tempoh maksimum yang ditetapkan oleh MQA.
- (2) Bagi pelajar yang diluluskan pemindahan kredit, tempoh minimum yang dikenakan untuk menyelesaikan kursus pengajian bagi Ijazah Sarjana Muda adalah tertakluk kepada syarat/ kriteria berikut;
- (a) bilangan kredit yang dikecualikan;
 - (b) tempoh pemastautin minimum satu (1) semester; dan
 - (c) pelajar memenuhi jumlah kredit keseluruhan program pengajiannya kecuali bagi program yang ditetapkan selainnya oleh badan profesional.

Tambah Masa Pengajian

- 17A.(1) Seseorang pelajar yang telah mencapai tempoh maksimum pengajian yang ditetapkan dan masih tidak memenuhi syarat bergraduasi akan diberikan status 'Tamat Tempoh Pengajian'.
- (2) Selepas mencapai tempoh maksimum pengajian, pelajar boleh membuat permohonan tambah masa pengajian bagi dua (2) semester secara bertulis kepada Fakulti dalam tempoh empat (4) minggu selepas diberikan status "Tamat Tempoh Pengajian".

- (3) Walau apapun tempoh yang ditetapkan di bawah subperaturan 17A. (2), pelajar boleh memohon tambahan masa dua (2) semester sahaja dalam tempoh empat (4) minggu selepas diberikan status "Tamat Tempoh Pengajian" tertakluk kepada keputusan Senat.
- (4) Sekiranya pelajar tidak memohon dalam tempoh empat (4) minggu selepas keputusan peperiksaan rasmi diumumkan, pelajar akan diberhentikan dari Universiti atas sebab "Tamat Tempoh Pengajian" tanpa diberikan sebarang notis dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.
- (5) Pelajar dibenarkan menangguh pengajian dalam tempoh tambah masa tertakluk kepada syarat penangguhan pengajian yang disebut dalam Peraturan 11.

Struktur Pengajian

18. (1) Komponen Kursus

Pelajar hendaklah mengikuti kursus-kursus yang terdiri daripada Kursus Wajib Universiti, Teras, Elektif dan Audit.

(2) Kursus

Pelajar dikehendaki mengikuti kursus-kursus yang ditetapkan seperti berikut-

- (a) Kursus Wajib Universiti iaitu kursus umum yang ditetapkan oleh universiti yang wajib diikuti oleh setiap pelajar iaitu;
 - (i) Kursus Citra Wajib
 - (ii) Kursus Citra Rentas Ilmu (C1 hingga C6)
- (b) Jumlah Kredit Kursus Wajib Universiti adalah seperti yang dinyatakan pada Jadual 2.
- (c) Kursus teras iaitu kursus teras disiplin yang wajib diikuti oleh pelajar seperti kursus Wajib Fakulti, Wajib Jabatan, Wajib Klinikal dan lain-lain yang ditetapkan oleh fakulti.
- (d) Kursus Elektif iaitu kursus lain yang boleh dipilih oleh pelajar seperti berikut:
 - (i) Elektif bidang: Kursus yang menggambarkan bidang pengajian
 - (ii) Elektif bebas: Kursus yang diluar bidang pengajian
- (e) Kursus Audit iaitu kursus yang diambil semata-mata untuk menambah pengetahuan dan prestasinya tidak diambil kira dalam pengiraan markah keseluruhan untuk keperluan pengijazahan.

(3) Jumlah Kredit

Pelajar dikehendaki mengikuti kredit kursus yang ditetapkan oleh sesuatu program pengajian atau sejumlah kredit lain yang ditetapkan oleh Senat.

Penulisan Ilmiah

- 18A. (1) Dalam penyediaan penulisan ilmiah, seorang pelajar hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (a) penulisan ilmiah pelajar hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu; dan
 - (b) tidak mengemukakan penulisan ilmiah yang telah diserahkan kepada Universiti atau universiti lain tetapi boleh memasukkan mana-mana bahagian daripada karya itu dengan syarat bahagian karya yang dimasukkan itu dirujuk dengan jelas;
- (2) Walau apapun, penulisan ilmiah boleh ditulis dalam Bahasa Inggeris bagi pelajar antarabangsa.

Syarat Pemastautinan

19. Pelajar hendaklah berada secara fizikal/bukan fizikal di kampus selepas mendaftar tertakluk kepada keperluan program pengajian.

BAHAGIAN V

PENDAFTARAN KURSUS

Pendaftaran Kursus

20. (1) Pendaftaran kursus hendaklah dibuat dalam tempoh dua (2) minggu selepas semester bermula bagi setiap semester. Pelajar yang gagal mendaftar sehingga minggu kelima (5) tanpa kebenaran Dekan Fakulti atas sebab-sebab yang munasabah, pelajar akan diberikan status “Diberhentikan Sebab Tidak Mendaftar”. Pendaftaran kursus-kursus tersebut hendaklah dilakukan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Fakulti. Pendaftaran untuk Semester Tiga (3) atau Semester Pendek adalah bersifat pilihan. Bagi Program ODL pendaftaran Semester 3 adalah wajib.
- (2) Pelajar dikehendaki mendaftar tidak kurang 12 kredit dan tidak lebih daripada 20 kredit pada tiap-tiap semester. Pendaftaran kurang daripada 12 kredit atau lebih daripada 20 kredit hanya dibenarkan dengan kelulusan daripada Dekan Fakulti. Walau apapun, Fakulti boleh menentukan jumlah kredit minimum dan maksimum pada tiap-tiap semester tertakluk kepada keperluan Program Pengajian/ Badan Profesional.
- (3) Untuk Semester Tiga (3) atau Semester Pendek, pelajar dikehendaki mendaftar tidak kurang daripada satu (1) kursus dan tidak lebih daripada tiga (3) kursus atau sejumlah yang diluluskan oleh Fakulti.
- (4) Bagi program secara ODL pelajar yang mendaftar secara mod sepenuh masa dikehendaki mendaftar tidak melebihi 16 kredit dan tidak kurang daripada 11 kredit. Manakala, pelajar yang mendaftar secara mod separuh masa dikehendaki mendaftar tidak melebihi 10 kredit. Pendaftaran yang lebih daripada 16 kredit atau kurang 11 kredit untuk sepenuh masa dan lebih daripada 10 kredit untuk separuh masa hanya dibenarkan dengan kelulusan daripada Dekan Fakulti.
- (5) Bagi PBJJ, jumlah kredit yang perlu didaftarkan adalah tertakluk keperluan kepada program pengajian. Pendaftaran kredit yang tidak mengikut syarat minimum dan maksimum kredit kursus perlu mendapat kelulusan daripada Dekan Fakulti.
- (6) Bagi Program Profesional, jumlah kredit yang perlu didaftarkan adalah tertakluk kepada keperluan Badan Profesional seperti yang diluluskan oleh Senat.
- (7) Pendaftaran awal kursus hendaklah diwajibkan kepada semua pelajar kecuali bagi pelajar program Fakulti Perubatan, Fakulti Pergigian dan Program ODL. Pelajar yang tidak membuat pendaftaran awal dalam tempoh yang ditetapkan akan dikenakan denda.

Pindaan Pendaftaran Kursus

21. Pindaan pendaftaran kursus merangkumi; -

(a) Penambahan Kursus

Penambahan kursus boleh dilakukan dalam tempoh dua (2) minggu pertama setiap semester. Untuk semester tiga (3) calon tidak dibenarkan menambah kursus setelah semester bermula kecuali bagi program ODL.

(b) Pengguguran Kursus

- (i) Pengguguran kursus yang didaftarkan boleh dilakukan dalam tempoh empat (4) minggu pertama setiap semester. Untuk semester tiga (3) calon tidak dibenar menggugurkan sesuatu kursus kecuali bagi program ODL.
- (ii) Proses pengguguran kursus hendaklah mematuhi keperluan jam kredit minimum dan maksimum yang perlu diambil pada setiap semester seperti dinyatakan pada Peraturan 20.

(c) Tarik Diri Kursus

- (i) Pelajar boleh menarik diri daripada kursus pada minggu kelima (ke-5) hingga kelapan (ke-8). Kursus tersebut tidak diambil kira di dalam pengiraan Purata Nilai Gred dan akan diberikan gred TD.
- (ii) Untuk Semester Tiga (3) atau Semester Pendek pelajar dibenarkan menarik diri kursus sehingga minggu kelima (ke-5) kecuali program ODL sehingga minggu kelapan (ke-8) Semester 3 dan akan diberikan gred TD.

(d) Pertukaran Taraf Kursus

- (i) Permohonan bagi pertukaran taraf kursus hendaklah mendapat kelulusan Fakulti yang merupakan pemilik kursus.
- (ii) Permohonan pertukaran taraf kursus ke taraf audit (U) hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada minggu keempat (ke-4) bagi semester pendaftaran kursus tersebut.

Pemindahan Kredit

22. (1) Pindah Kredit Dengan Gred ertinya pindah kredit secara mendatar bagi pelajar yang berada dalam sistem (pelajar masih dalam pengajian). Kredit dikira dalam kredit bergraduasi pelajar dan gred kursus diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK);
- (2) Pindah Kredit Tanpa Gred ertinya pindah kredit secara menegak atau mendatar bagi pelajar yang telah keluar daripada sistem (pelajar telah tamat pengajian) atau telah mencapai tahap kompetensi dalam kursus berkenaan yang juga dipanggil sebagai pengecualian kredit. Kredit kursus yang dipindahkan diambil kira dalam kredit bergraduasi tetapi gred kursus tidak diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar;
- (3) Pelajar yang ingin mendapat pemindahan kredit hendaklah mengemukakan permohonan rasmi kepada Dekan Fakulti masing-masing atau kepada wakil yang diberi kuasa oleh Dekan Fakulti selewat-lewatnya pada minggu ke-4 semester pertama Tahun 1.
- (4) Permohonan pemindahan kredit hendaklah disahkan oleh Mesyuarat Fakulti setelah mendapat perakuan jawatankuasa khas yang ditetapkan.
- (5) Kursus yang telah diluluskan pemindahan kredit tidak boleh ditarik balik oleh pelajar.
- (6) Keputusan permohonan pemindahan kredit pelajar akan dimaklumkan oleh Fakulti.

Pemindahan kredit secara menegak (*Vertical*)

23. Pemindahan kredit secara menegak (*vertical*) boleh dilakukan oleh pelajar lepasan institusi pascapendidikan menengah berasaskan pemetaan mata pelajaran yang sesuai jika-
- (a) kredit yang dipindahkan tidak boleh melebihi 30% daripada jumlah keseluruhan kredit bagi satu program tertentu. Bagi pelajar lepasan diploma (Tahap 4, Kerangka Kelayakan Malaysia), pemindahan kredit boleh diberikan sehingga maksimum 50%;
 - (b) pelajar hendaklah mendapatkan gred tidak kurang dari C atau yang setara dengannya. Bagi pelajar lepasan diploma (Tahap 4, Kerangka Kelayakan Malaysia) hendaklah mendapat gred C atau yang setara dengannya ($\leq 30\%$) dan gred B atau setara dengannya (31 – 50%);
 - (c) hasil pembelajaran dan/atau kandungan kursus tersebut mempunyai persamaan dengan kursus-kursus di Universiti tidak kurang daripada 80%;
 - (d) perbezaan magnitud kredit yang hendak dipindahkan itu hendaklah tidak melebihi 10% daripada kursus setara yang ada di Universiti. Oleh kerana takrif kredit mungkin berbeza-beza dari satu institusi dengan institusi yang lain, perbandingan magnitud kredit boleh dilakukan melalui Masa Pembelajaran Pelajar (MPP). Jika MPP tidak dapat ditentukan, jumlah kredit untuk menamatkan pengajian boleh digunakan untuk melakukan perbandingan;
 - (e) kredit yang dipindahkan hendaklah daripada program yang mendapat akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), badan profesional berautoriti atau agensi jaminan kualiti di negara berkenaan;
 - (f) kredit yang dipindahkan diambil kira untuk tujuan bergraduat tetapi tidak diambilkira dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) Semester dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK);
 - (g) pemindahan kredit yang dipohon hendaklah tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh permohonan pemindahan kredit.

Pemindahan kredit secara mendatar (*Horizontal*)

24. Pemindahan kredit secara mendatar (*horizontal*) boleh dilakukan oleh pelajar apabila pelajar bertukar program pengajian dari dalam atau luar Universiti dan/atau pelajar yang menyertai program mobiliti tertakluk kepada-
- (a) hasil pembelajaran dan/atau kandungan kursus yang dipadankan dalam kedua-dua program itu mestilah mempunyai persamaan tidak kurang daripada 80%;
 - (b) pelajar yang hendak memindahkan kredit satu-satu kursus mestilah mendapat gred tidak kurang dari C;
 - (c) pemindahan kredit yang dipohon hendaklah tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh permohonan pemindahan kredit;
 - (d) tiada had kredit ditetapkan tetapi pelajar adalah tertakluk kepada tempoh pemastautin bagi tujuan pindah kredit iaitu satu (1) semester.

Pemindahan Kredit bagi kelayakan APEL.C

25. (1) Pemberian kredit melalui APEL.C adalah dalam bentuk pemindahan kredit di mana ianya tidak melibatkan pemindahan gred. Walau bagaimanapun, kredit diberikan untuk APEL.C ini akan dikira untuk keperluan jumlah kredit pengijazahan;
- (2) Peratusan maksimum pemindahan kredit melalui APEL.C adalah 30% daripada jumlah kredit pengijazahan sesuatu program pengajian. Peratusan ini adalah tambahan kepada peruntukan pemindahan kredit berdasarkan Dasar Pindah Kredit, MQA dan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran, UKM sedia ada;
- (3) Kredit yang dianugerahkan untuk sesuatu kursus hanya terpakai kepada kursus yang dipohon sahaja. Penganugerahan kredit adalah tidak terpakai secara automatik kepada kursus prasyarat bagi kursus tersebut (jika ada);
- (4) Kursus berasaskan projek seperti projek ilmiah dan disertasi tidak boleh diberikan penganugerahan APEL.C;
- (5) Penganugerahan kredit APEL.C untuk program profesional boleh dipertimbangkan tertakluk kepada kelulusan/persetujuan oleh badan profesional yang berkaitan. Permohonan pelaksanaan APEL.C kepada badan profesional untuk program pengajian yang berkaitan diuruskan oleh Fakulti. Fakulti perlu memaklumkan kelulusan/persetujuan badan profesional tersebut kepada Unit APEL untuk tujuan rujukan, hebahan dan pemprosesan permohonan pelajar.

Penyerapan Kredit melalui Perkongsian Kod Kursus

26. (1) Pelajar boleh memohon penyerapan kredit dengan mengemukakan permohonan rasmi kepada Dekan Fakulti masing-masing atau kepada wakil yang diberi kuasa oleh Dekan Fakulti bagi kursus yang telah diperaku dan didaftarkan oleh Fakulti;
- (2) Permohonan Penyerapan Kredit Melalui Perkongsian Kod Kursus yang boleh dipertimbangkan adalah seperti berikut:
- (a) salah satu daripada program adalah program di luar UKM; dan
- (b) pelajar mengikuti program pertukaran pelajar (program mobiliti) di institusi lain (IPT/ industri/ agensi kerajaan/ organisasi komuniti) di dalam atau luar negara; atau
- (c) pelajar mengambil kursus tertentu di institusi lain (IPT/ industri/ agensi kerajaan/ organisasi komuniti) di dalam atau luar negara.
- (3) Syarat-syarat penyerapan kredit melibatkan penyetaraan gred kursus adalah seperti berikut:
- (a) pelajar yang hendak menyerapkan kredit satu-satu kursus mestilah mendapat gred LULUS;
- (b) sekiranya institusi bekerjasama mengguna pakai sistem ACTS (*ASEAN Credit Transfer System*), UCTS (*UMAP Credit Transfer System*) atau ECTS (*European Credit Transfer System*) untuk pemberian gred kursus mereka dan maklumat gred

sebenarnya tidak diperolehi, penyerapan gred boleh dilakukan berdasarkan kedudukan pencapaian pelajar dalam kursus yang diambil; atau

- (c) penyerapan gred boleh dilakukan berdasarkan markah mutlak dengan mengambil kira kesetaraan markah lulus penuh (full pass) di institusi bekerjasama tersebut dengan markah lulus di UKM;
 - (d) oleh kerana takrif kredit mungkin berbeza-beza dari satu institusi dengan institusi yang lain, perbandingan magnitud kredit boleh dilakukan melalui Masa Pembelajaran Pelajar (MPP). Jika MPP tidak dapat ditentukan, jumlah kredit untuk menamatkan pengajian boleh digunakan untuk melakukan perbandingan. Sebagai contoh, jika satu-satu institusi bekerjasama memerlukan 200 kredit untuk menamatkan pengajian, manakala di UKM memerlukan 120 kredit bagi program yang setara, maka 1 kredit di UKM bersamaan dengan 1.67 kredit di institusi bekerjasama tersebut;
 - (e) tempoh sah laku kredit yang diserapkan ialah lima (5) tahun;
 - (f) kredit yang diserapkan hendaklah daripada program yang mendapat akreditasi oleh MQA, badan profesional berautoriti atau agensi jaminan kualiti di negara berkenaan dan telah diluluskan oleh Senat.
- (4) Gred penyerapan kredit hendaklah disahkan oleh Mesyuarat Fakulti dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa.
 - (5) Gred Penyerapan Kredit Melalui Perkongsian Kod Kursus diambil kira dalam kiraan PNGK dan sebagai sebahagian daripada jumlah kredit bagi tujuan pengijazahan tertakluk kepada keperluan program.
 - (6) Kursus yang telah diluluskan untuk penyerapan kredit tidak boleh ditarik balik oleh pelajar.

Pendaftaran Semester Tiga (3) atau Semester Pendek

27. (1) Semester Tiga (3) atau Semester Pendek boleh diadakan jika-
- (a) ditawarkan oleh Fakulti dalam mana-mana tahun pengajian; atau
 - (b) sesuatu program pengajian itu dibenarkan menjalankan Semester Tiga (3) atau Semester Pendek.
- (2) Pengajian Semester Tiga (3) atau Semester Pendek hendaklah bermula dari tarikh tamat Peperiksaan Akhir Semester Dua (2) pada setiap tahap pengajian dan akan berjalan untuk tempoh lapan (8) minggu atau tempoh yang diluluskan oleh Senat serta merangkumi Peperiksaan Akhir dan tiada Cuti Pertengahan Semester dan Minggu Ulangkaji. Bagi program ODL Semester Tiga (3) adalah dikira sebagai semester biasa kerana program ODL mempunyai tiga (3) semester yang sama panjang dalam satu tahun pengajian.
 - (3) Untuk Semester Tiga (3) atau Semester Pendek, pelajar dikehendaki mendaftar tidak kurang daripada satu (1) kursus dan tidak lebih daripada tiga (3) kursus atau sejumlah kursus yang diluluskan oleh Fakulti.

- (4) Pendaftaran kursus Semester Tiga (3) atau Semester Pendek hendaklah dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.
- (5) Pelajar tidak dibenarkan untuk tambah/gugur kursus dalam Semester Tiga (3) atau Semester Pendek. Walau apapun pelajar boleh memohon menarik diri daripada kursus yang diikuti sehingga akhir minggu kelima (ke-5) atau minggu kelapan (ke-8) seperti yang dinyatakan dalam sub peraturan 21(c) dan akan direkodkan sebagai "Tarik Diri" (TD).

Pendaftaran Kursus Ulangan

28. (1) Pendaftaran Kursus Ulangan oleh Pelajar adalah tertakluk kepada syarat berikut:
 - (a) pelajar masih berada dalam tempoh pengajian yang dibenarkan;
 - (b) pelajar yang gagal bagi sesuatu kursus adalah wajib mendaftar kursus ulangan mengikut keperluan program pengajian atau mendaftar kursus lain yang setara mengikut keperluan program pengajian;
 - (c) pelajar yang mendapat gred C- dan ke bawah bagi sesuatu kursus boleh mendaftar kursus ulangan mengikut keperluan program pengajian atau mendaftar kursus lain yang setara mengikut keperluan program pengajian;
 - (d) permohonan kursus ulangan boleh dilakukan sehingga mencapai tempoh maksimum program pengajian; dan
 - (e) bagi Fakulti Perubatan, Fakulti Pergigian dan Fakulti Farmasi, permohonan kursus ulangan boleh dilakukan tertakluk ketetapan fakulti;
- (2) Pengiraan PNGK bagi kursus-kursus yang diulang akan mengambil kira gred yang terkini sahaja.

Pertukaran Program Pengajian

29. Universiti boleh mempertimbangkan permohonan pelajar untuk pertukaran program pengajian dengan syarat-
 - (a) pelajar telah mendaftar program pengajian asal;
 - (b) permohonan hendaklah dibuat kepada Dekan kedua-dua Fakulti dalam tempoh dua (2) minggu selepas semester bermula. Permohonan selepas tempoh tersebut tidak akan diproses.
 - (c) pertukaran program pengajian adalah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Fakulti;
 - (d) pertukaran program boleh dilakukan melibatkan program pengajian di dalam Fakulti atau program pengajian di Fakulti yang berlainan;
 - (e) pertukaran program pengajian hanya dibenarkan sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian. Namun bagi pelajar antarabangsa permohonan adalah tertakluk kepada peraturan Jabatan Imigresen Malaysia;
 - (f) pelajar yang diluluskan untuk bertukar program pengajian dalam Universiti boleh memohon pemindahan kredit dalam tempoh tahun pertama pertukaran program

pengajian tersebut tertakluk kepada peraturan 22 dan syarat yang ditetapkan oleh Fakulti;

- (g) tempoh pengajian sebelum pertukaran ke program baharu tidak akan diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum yang dibenarkan dan tertakluk kepada tempoh lazim pengajian baharu bagi melayakkan diri untuk suatu Ijazah;
- (h) Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dalam program asal tidak dibawa atau dikira pada program baharu;
- (i) pelajar mendapat status "Gagal dan Diberhentikan" bagi kali pertama dan diluluskan rayuan untuk meneruskan pengajian, layak memohon pertukaran program pengajian tertakluk subperaturan 29 (e) dan permohonan pemindahan kredit secara mendatar tidak dibenarkan;
- (j) pelajar yang mengikuti program pengajian secara konvensional tidak dibenarkan untuk memohon pertukaran ke mod pengajian secara ODL dan sebaliknya. Walau bagaimanapun, pertukaran mod pengajian sesama program pengajian yang diuruskan oleh PTj Pengurus Akademik yang sama adalah dibenarkan tertakluk kepada kelulusan PTj tersebut;
- (k) Universiti berhak menolak permohonan pelajar untuk bertukar program pengajian sekiranya permohonan tidak memenuhi semua syarat yang ditetapkan. Semua keputusan permohonan pertukaran yang dibuat adalah muktamad.

BAHAGIAN VI

PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN

Peperiksaan Akhir

30. (1) Penyimpanan Kertas-kertas Jawapan Peperiksaan

- (a) Semua skrip jawapan pelajar bagi sebarang peperiksaan Universiti hendaklah disimpan dengan selamat oleh Fakulti untuk tempoh selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan selepas pengumuman keputusan rasmi peperiksaan dikeluarkan.
- (b) Bagi rayuan yang dibuat oleh pelajar terhadap keputusan peperiksaan, skrip-skrip jawapan berkenaan tidak boleh dimusnahkan kecuali selepas Fakulti telah mengesahkan keputusan penyemakan semula.
- (c) Tertakluk kepada subperaturan 30(1)(b), semua skrip jawapan peperiksaan hendaklah dimusnahkan sekurang-kurangnya selepas genap enam (6) bulan.

(2) Keperluan Peperiksaan

- (a) Seseorang pelajar tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan sesuatu kursus sekiranya Dekan Fakulti telah memperakui bahawa pelajar berkenaan telah-
 - (i) tidak mengikut sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus tersebut seperti yang ditetapkan oleh Fakulti atau mengikut keperluan program pengajian yang telah diluluskan oleh Senat; atau
 - (ii) tidak mengikut sekurang-kurangnya 80% daripada keperluan kursus tersebut bagi program ODL.
- (b) Fakulti hendaklah memaklumkan kepada pelajar sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum minggu peperiksaan bermula bahawa pelajar dihalang mengambil peperiksaan akhir bagi kursus berkaitan.
- (c) Walau apapun yang dinyatakan di atas, Senat boleh menentukan apa-apa cara dan kaedah sesuatu peperiksaan itu dilaksanakan.

Penangguhan Peperiksaan

31. (1) Penangguhan peperiksaan akhir boleh diadakan dalam keadaan seperti berikut:

- (a) pelajar boleh memohon penangguhan peperiksaan akhir bagi sesuatu kursus dan hendaklah dibuat sebelum peperiksaan dijalankan dengan mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Dekan Fakulti dengan menyertakan dokumen/ surat berkaitan;
- (b) pelajar yang mengalami masalah kesihatan atau bencana alam sewaktu peperiksaan akhir semester hendaklah memohon kepada Dekan Fakulti berkenaan untuk menangguhkan peperiksaan. Permohonan tersebut hendaklah dibuat sebelum peperiksaan diadakan atau dalam tempoh 48 jam selepas peperiksaan diadakan;

- (c) permohonan berkaitan masalah kesihatan mestilah disertakan surat pengesahan Pegawai Perubatan Universiti atau Hospital Kerajaan. Permohonan berkaitan masalah bencana alam hendaklah disertakan pengesahan daripada pihak Polis atau Ketua Kampung atau Pihak Berkuasa Tempatan;
 - (d) berlaku kematian ahli keluarga terdekat kepada pelajar dan permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil kematian yang sah;
 - (e) permohonan pelajar untuk menangguhkan peperiksaan selepas tempoh yang ditetapkan di bawah subperaturan 31(1)(b) dan/atau selain sebab-sebab yang dinyatakan di bawah subperaturan 31(1)(c) atau 31(1)(d) atas sebab yang kukuh adalah tertakluk kepada kelulusan Fakulti;
- (2) Ibu bapa atau waris seseorang pelajar yang menghadapi masalah kesihatan kritikal semasa peperiksaan akhir boleh memohon bagi pihak pelajar berkenaan dengan menyertakan perakuan daripada Pegawai Perubatan Universiti atau Hospital Kerajaan kepada Fakulti berkenaan dalam tempoh yang munasabah;
- (3) Jika permohonan diluluskan, pelajar akan diberi status “Tangguh Peperiksaan (TP)” bagi kursus tersebut.

Peperiksaan Gantian

32. (1) Bagi kes penangguhan di bawah peraturan 31, tarikh peperiksaan gantian akan ditentukan mengikut kesesuaian kes tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh Fakulti.
- (2) Sekiranya pelajar masih tidak dapat hadir mengikuti peperiksaan gantian pada tarikh yang ditetapkan tanpa alasan munasabah, maka pelajar hendaklah diberi gred yang bersesuaian mengikut keperluan kursus berkenaan.

Peperiksaan Semula

33. Universiti berhak mengadakan semula peperiksaan bagi sesuatu kursus pada bila-bila masa sekiranya berlaku kebocoran soalan peperiksaan atau atas sebab-sebab lain yang difikirkan munasabah oleh Universiti.

Peperiksaan Ulangan Khas

34. (1) Peperiksaan Ulangan Khas boleh diadakan bagi pelajar semester akhir yang memerlukan hanya satu (1) kursus untuk tujuan pengijazahan dan kursus tersebut hendaklah pernah diikuti. Peperiksaan tersebut hanya boleh diambil sekali sahaja dan permohonannya hendaklah dibuat dalam masa empat (4) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan. Projek latihan ilmiah, latihan industri dan praktikum tidak diambil kira bagi tujuan ini.
- (2) Permohonan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Fakulti untuk tujuan pelaksanaan peperiksaan ulangan khas dengan disertakan bayaran yuran yang ditetapkan dan kelulusan Fakulti dikemukakan kepada PTj Pengurus Akademik berkenaan untuk dikemaskini dalam sistem.
- (3) Gred A hingga E hendaklah diberi kepada pelajar yang lulus peperiksaan ulangan khas dan gred ini hendaklah dikira dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar. Kaedah

penilaian sama ada mengambil kira keseluruhan penilaian dalam komponen kursus atau peperiksaan ulangan khas secara komprehensif meliputi keseluruhan silibus kursus.

- (4) Sekiranya pelajar masih gagal kursus tersebut, pelajar dikehendaki mendaftar semula kursus.
- (5) Semua keputusan penilaian akhir semester yang diperolehi oleh pelajar akan dicatat di dalam rekod akademiknya.

Struktur Penilaian

35. (1) Struktur penilaian boleh melibatkan penilaian berterusan dan penilaian akhir meliputi kaedah penilaian yang adil dan munasabah.
- (2) Pemberian nilai gred bagi setiap semester adalah untuk kerja kursus yang merangkumi struktur penilaian sepertimana yang dinyatakan di bawah subperaturan 35(1) yang diadakan di sepanjang semester termasuk peperiksaan akhir semester.
- (3) Bagi kursus yang mempunyai penilaian akhir seperti peperiksaan akhir, pemberat bagi komponen penilaian tersebut adalah tertakluk kepada keperluan kursus bagi sesuatu program yang telah diluluskan oleh Senat.
- (4) Skala Markah Gred Peperiksaan Ijazah Sarjana Muda adalah seperti yang dinyatakan pada Jadual 3;
- (5) Gred-gred berikut diberikan tanpa nilai gred:
 - (a) L/K (Lulus/Kandas) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak digredkan tetapi hanya diberi catatan "Lulus" atau "Kandas" sahaja.
 - (b) TL (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan dengan kebenaran Fakulti kepada pelajar yang tidak dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Pelajar perlu melengkapkan tugas tersebut selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas pendaftaran semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan gred.
 - (c) SM (Sedang Maju) iaitu gred yang digunakan bagi sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata nilai tetapi unit baginya hanya dikira untuk penentuan unit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapatkan Ijazah. Unit dan nilai gred bagi kerja atau projek tersebut hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah unit untuk keperluan Ijazah dan purata nilai apabila simbol SM digantikan dengan gred.
 - (d) U (Audit) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar, mengikuti kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus itu tetapi nilai gred tidak diberikan dan simbol tersebut hanya direkodkan jika pelajar lulus peperiksaan kursus itu. Sekiranya pelajar gagal, akan direkodkan sebagai gred K.
 - (e) TD (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang menarik diri bagi sesuatu kursus pada minggu kelima (ke-5) hingga minggu kelapan (ke-8) sesuatu semester.

- (f) TP (Tanggung Peperiksaan) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menanggungkan peperiksaan sepertimana yang dinyatakan di bawah peraturan 30. Fakulti hendaklah menetapkan tarikh peperiksaan gantian mengikut kesesuaian kes.
- (g) PK (Pindah Kredit) iaitu gred diberikan kepada pelajar yang diluluskan pemindahan kredit secara menegak atau mendatar. Bagi pemindahan kredit secara menegak, kredit kursus yang dipindahkan diambil kira dalam kredit bergraduasi tetapi gred kursus tidak diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar. Manakala, bagi pemindahan kredit secara mendatar, kredit kursus yang dipindahkan diambil kira dalam kredit bergraduasi dan gred kursus diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar.
- (h) PC (Pindah Kredit APEL.C) iaitu gred diberikan kepada pelajar yang diluluskan pemindahan kredit melalui APEL.C. Kredit kursus yang dipindahkan diambil kira dalam kredit bergraduasi tetapi gred kursus tidak diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar.

Sistem Penilaian dan Purata Nilai Gred (PNG)

- 36. (1) Semua kursus akan diambil kira untuk mengira Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) sepertimana yang dinyatakan di bawah subperaturan 18(2) kecuali kursus-kursus yang ditetapkan oleh Fakulti.
- (2) Kursus-kursus yang mendapat taraf gagal juga diambil kira untuk menentukan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) bagi semester berkenaan.
- (3) Gred bagi kursus-kursus ulangan adalah diambil kira untuk menentukan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) bagi pelajar yang mengulang dan gred sebelumnya yang gagal akan digugurkan.
- (4) Pelajar dibenar mengulang kursus yang telah sedia mendapat taraf LULUS seperti yang dinyatakan pada Jadual 3 bagi tujuan memperbaiki gred iaitu bagi kursus-kursus yang mendapat gred C- dan ke bawah. Hanya gred bagi keputusan peperiksaan yang terkini sahaja diambil kira di dalam PNGK sementara gred asal kursus berkenaan digugurkan.
- (5) PNG akan ditentukan mengikut kaedah di bawah:
 - (a) Purata Nilai Gred (PNG)

Jumlah Nilai Gred (nilai gred X jam kredit) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah jam kredit bagi semua kursus yang diambil pada sesuatu semester sepertimana yang dinyatakan di bawah Peraturan 36.

- (b) Rumus pengiraan PNG adalah seperti berikut:

$$\text{PNG} = \frac{\sum_{i=1}^n G_i U_i}{\sum_{i=1}^n G_i}$$

yang mana

G = Nilai gred kursus ke-i

U = Jam Kredit ke-i

n = Bilangan kursus yang telah diikuti pada semester

Contoh:

Semester 1

Kursus	Gred	Nilai Gred	Jam Kredit	Nilai Gred X Jam Kredit
XA1013	A	4.00	3	12.00
XB1013	B+	3.33	3	9.99
XC1013	A-	3.67	3	11.01
XD1512	E	0.00	2	0.00
XE1512	D	1.00	2	2.00
JUMLAH			13	35.00

$$\begin{aligned} \text{PNG} &= \frac{35.00}{13} \\ &= 2.69 \end{aligned}$$

(c) Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)

Jumlah Nilai Gred (nilai gred X jam kredit) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah jam kredit bagi semua kursus yang telah diikuti tertakluk kepada Peraturan 36. Rumus pengiraan PNGK sama seperti rumus pengiraan PNG.

Contoh:

Semester 1

Kursus	Gred	Nilai Gred	Jam Kredit	Nilai Gred X Jam Kredit
XA1013	A	4.00	3	12.00
XB1013	B+	3.33	3	9.99
XC1013	A-	3.67	3	11.01
XD1512	E	0.00	2	0.00
CE1512	D	1.00	2	2.00
JUMLAH BESAR			13	35.00

Semester 2

Kursus	Gred	Nilai Gred	Jam Kredit	Nilai Gred X Jam Kredit
XA1113	A	4.00	3	12.00
XB1313	B+	3.33	3	9.99
XC1153	C+	2.33	3	6.99
XD1363	A	4.00	3	12.00
XE1512	D	1.00	2	2.00
Jumlah Kecil			14	42.98
JUMLAH BESAR			27	77.98

$$\begin{aligned} \text{PNGK} &= \frac{77.98}{27} \\ &= 2.88 \end{aligned}$$

(6) Syarat-syarat Kelayakan Meneruskan Pengajian

Purata Nilai Gred	Taraf Pencapaian	Kelayakan Pengurniaan Ijazah
$\text{PNGK} \geq 2.00$	Lulus	Layak
$\text{PNGK} 1.00 \text{ hingga } < 2.00$	Lulus Bersyarat	Tidak Layak
$\text{PNGK} < 1.00$	Gagal dan Diberhentikan	Tidak Layak

(a) Taraf Lulus (ATP):

Seseorang pelajar dianggap Lulus dan dibenar meneruskan pengajian jika mendapat PNGK 2.00 atau lebih (> 2.00).

(b) Taraf Lulus Bersyarat (ALB):

- (i) Seseorang pelajar dianggap Lulus Bersyarat dan diberi amaran jika mendapat PNGK di antara 1.00 dengan 1.99 (PNGK 1.00 hingga < 2.00).

- (ii) Seseorang pelajar tidak dibenarkan berada di dalam taraf Lulus Bersyarat dua (2) semester berturut-turut, tidak termasuk semester pertama pengajiannya. Ini bermakna jika pelajar masih memperoleh PNGK kurang daripada 2.00 pada semester berikutnya, setelah mengambil kira perkara yang dinyatakan di bawah subperaturan 36(6)(b)(i), pelajar akan diberi status "Gagal dan Diberhentikan".
- (iii) Seseorang pelajar laluan APEL.Q adalah dikecualikan daripada perkara yang dinyatakan dalam subperaturan 36(6)(b)(ii). Pelajar hendaklah mencapai sekurang-kurangnya PNGK 2.00 pada akhir pengajian untuk diberikan status "Lulus dan Layak dianugerahkan Ijazah".

(c) Taraf Gagal (PGB):

- (i) Seseorang pelajar diberi status "Gagal dan Diberhentikan" jika mendapat PNGK kurang daripada 1.00 tidak termasuk semester pertama pengajiannya atau tidak memenuhi syarat-syarat yang disebutkan sepertimana yang dinyatakan di bawah subperaturan 36(6)(b).
- (ii) Walau bagaimanapun, subperaturan 36(6)(c)(i) perlu dibaca bersama syarat khas program pengajian yang telah ditetapkan oleh Fakulti.

(d) Gantung Keputusan (PGK)

Seseorang pelajar diberi status "Gantung Keputusan" jika masih belum melengkapkan syarat keperluan pengijazahan untuk dianugerahkan Ijazah.

(e) Tamat Tempoh Pengajian (PTT)

Seseorang pelajar diberi status "Tamat Tempoh Pengajian" jika telah melebihi tempoh maksimum pengajian yang ditetapkan oleh program pengajian.

- (7) Penilaian PNGK bagi subperaturan 36(6)(a) - (c), akan hanya berkuatkuasa mulai semester kedua (ke-2) pengajian seseorang pelajar. Ini bermakna semua pelajar dibenarkan meneruskan pengajian ke semester kedua (ke-2) pengajiannya tanpa mengira keputusan peperiksaan semester pertamanya.

Penilaian Untuk Mendapatkan Ijazah

37. Seseorang pelajar mestilah memenuhi semua syarat berikut untuk dikurniakan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian:

- (a) mencapai PNGK sekurang-kurangnya 2.00 bagi semua kursus yang diambilnya tertakluk kepada subperaturan 36(1)-(3) atau mengikut ketetapan program yang telah diluluskan oleh Senat;
- (b) mencapai sekurang-kurangnya 120 kredit kursus-kursus yang ditetapkan atau sejumlah kredit lain yang ditetapkan termasuk jumlah kredit kursus-kursus sepertimana yang dinyatakan di bawah subperaturan 18(2). Bagi tujuan ini, pelajar dibenar untuk mengumpul kredit tambahan dengan tujuan untuk meningkatkan PNGK. Ini boleh dilakukan dengan mendaftar kursus lain yang

ditetapkan oleh Fakulti atau mendaftar semula kursus yang telah sedia lulus tertakluk kepada subperaturan 36(4).

Pengurniaan Ijazah

38. (1) Pengurniaan Ijazah adalah mengikut kelas seperti berikut:

PNGK	Ijazah Yang Dikurniakan
3.67 – 4.00	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (Cemerlang)
2.00 – 3.66	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian

- (2) walau bagaimanapun, subperaturan 38(1) perlu dibaca bersama syarat khas program yang telah ditetapkan oleh Fakulti.
- (3) Ijazah boleh dikurniakan kepada Pelajar yang telah memenuhi semua kehendak di bawah Peraturan ini termasuk telah menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan, diperakui supaya diberi Ijazah berkenaan oleh Jawatankuasa Pemeriksa dan disahkan oleh Senat.
- (4) Skrol Ijazah yang asal hanya boleh dicetak sekali sahaja selepas mendapat pengesahan Senat.

Pengurniaan Ijazah secara Anumerta (*Posthumus Degree*)

39. (1) Pengurniaan Ijazah secara Anumerta (*posthumus degree*) adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut;
- (a) pelajar memenuhi sekurang-kurangnya 85% keperluan bergraduat dalam program pengajiannya;
 - (b) berstatus Lulus dengan minima PNGK 2.00 pada semester terakhir sebelum kematian atau mengikut ketetapan program yang telah diluluskan oleh Senat;
 - (c) permohonan untuk pertimbangan pengurniaan ijazah secara Anumerta (*Posthumus Degree*) hendaklah dibuat oleh keluarga atau waris si mati, secara bertulis kepada Dekan Fakulti dalam masa satu (1) tahun dari tarikh kematian pelajar tersebut;
 - (d) diperakukan supaya diberi Ijazah secara Anumerta (*Posthumus Degree*) oleh Fakulti dan disahkan oleh Senat;
 - (e) Ijazah yang dianugerahkan akan mempunyai pertambahan perkataan “Ijazah Anumerta” (*Posthumus Degree*) dalam skrol ijazah;
 - (f) penganugerahan Ijazah secara Anumerta adalah sebagai satu penghormatan kepada pelajar yang telah menamatkan sebahagian pengajiannya di Universiti dengan keputusan yang baik;

- (g) graduan Ijazah Anumerta tidak akan dikira dalam statistik graduan Universiti;
- (2) Senat boleh membenarkan apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada kehendak-kehendak di bawah Peraturan ini.

Jawatankuasa Pemeriksa

40. (1) Jawatankuasa Pemeriksa adalah bertanggungjawab untuk menimbang keputusan peperiksaan pelajar pada setiap semester. Keahlian Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah terdiri daripada:
- (a) Dekan sebagai Pengerusi;
 - (b) Timbalan-timbalan Dekan;
 - (c) Penolong-penolong Dekan;
 - (d) Ketua-ketua Jabatan/Pengerusi Pusat (jika berkenaan);
 - (e) Ketua dan/atau Penyelaras Program (jika berkenaan); dan
 - (f) seorang wakil dari tiap-tiap Jabatan/Pusat Pengajian yang berkenaan;
- (2) Penolong Pendaftar Fakulti hendaklah menjadi Setiausaha. Dalam masa ketidakhadiran Dekan, seorang Timbalan Dekan hendaklah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa. Korum mesyuarat adalah 1/3 daripada ahli.
- (3) Jawatankuasa Pemeriksa diberi kuasa oleh Senat untuk menentukan status pelajar seperti berikut:
- (a) Lulus dan dibenarkan meneruskan pengajian;
 - (b) Lulus bersyarat;
 - (c) Lulus dan layak dianugerahkan Ijazah;
 - (d) Gagal dan diberhentikan;
 - (e) Dibenarkan mengambil Peperiksaan Ulangan Khas;
 - (f) Penangguhan Keputusan Peperiksaan.
- (4) Jawatankuasa Pemeriksa boleh meminda tidak lebih dari satu tahap kenaikan gred bagi sebarang kursus dan keputusan Jawatankuasa Pemeriksa adalah muktamad serta tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana ahli Fakulti, kecuali Senat.
- (5) Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah memperakukan kepada Senat pelajar yang lulus dan layak dianugerahkan Ijazah.

Anugerah Dekan

41. (1) Anugerah Dekan diberi kepada pelajar yang telah menunjukkan kejayaan dalam bidang akademik semasa menjalani pengajian di Universiti.

(2) Syarat dan Kelayakan-

- (a) pelajar mencapai Purata Nilai Gred (PNG) sekurang-kurangnya 3.67, bagi minimum 12 kredit tidak termasuk kursus yang kreditnya tidak diambil kira dalam pengiraan PNG bagi sesuatu semester pengajian;
- (b) pelajar tidak pernah dikenakan apa-apa tindakan tatatertib;
- (c) berdaftar secara rasmi sebagai pelajar Universiti bagi menjalani sebarang program Ijazah yang ditawarkan oleh mana-mana Fakulti dalam Universiti ini;
- (d) pelajar telah menjelaskan segala hutang dan bayaran kepada Universiti pada waktu pemilihan;
- (e) diperakui oleh Fakulti bahawa pelajar itu adalah layak untuk dicalonkan berdasarkan kriteria-kriteria yang diperuntukkan di bawah peraturan ini;
- (f) pelajar dalam tempoh tambah masa pengajian tidak layak dipertimbangkan untuk Anugerah Dekan.

(3) Proses Pemilihan

- (a) pemilihan Anugerah Dekan akan ditentukan dalam Mesyuarat Fakulti berdasarkan kepada syarat-syarat kelayakan sepertimana yang dinyatakan di bawah subperaturan 41(2).
- (b) penerima Anugerah Dekan tidak dihadkan kepada seorang sahaja bagi setiap Fakulti; dan
- (c) sijil anugerah disampaikan kepada pelajar yang berjaya pada masa yang ditetapkan oleh Fakulti.

Peruntukan-peruntukan Lain

42. Pelajar yang telah dikenal pasti mempunyai masalah berkaitan prestasi akademik adalah dinasihatkan diberi bimbingan tambahan oleh Fakulti.

BAHAGIAN VII

RAYUAN

Rayuan Untuk Menyemak Semula Keputusan Peperiksaan Akhir Kursus

43. (1) Sesuatu rayuan untuk menyemak semula keputusan penilaian kursus hendaklah disampaikan secara bertulis kepada PTJ Pengurus Akademik berkenaan oleh pelajar dalam tempoh empat (4) minggu selepas keputusan peperiksaan rasmi diumumkan atau dua (2) minggu bagi program secara ODL. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh ini tidak akan dipertimbangkan.
- (2) Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan maklumat kursus yang diminta untuk disemak semula beserta dengan bayaran pemprosesan yang ditetapkan dan bayaran berkenaan tidak boleh dituntut balik.
- (3) Fakulti yang menerima permohonan rayuan perlu menubuhkan Panel Pemeriksa bagi menyemak semula keputusan penilaian kursus berkenaan.
- (4) Panel Pemeriksa hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) orang staf akademik Universiti selain pemeriksa asal.
- (5) Perakuan panel pemeriksa hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan mesyuarat Fakulti dan dikemukakan untuk kelulusan Senat sebelum disampaikan kepada pelajar berkenaan, sekiranya ada perubahan gred.
- (6) Setiap keputusan yang dibuat oleh Fakulti di bawah peraturan ini dan telah diluluskan oleh Senat adalah muktamad serta sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

Rayuan Untuk Meneruskan Semula Pengajian Setelah “Gagal Dan Diberhentikan”

44. (1) Seseorang pelajar yang mendapat keputusan “Gagal Dan Diberhentikan” oleh sebab gagal memenuhi syarat-syarat untuk meneruskan pengajian boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut.
- (2) Permohonan dalam Fakulti/Program yang sama akan hanya dipertimbangkan jika pelajar mengalami masalah kesihatan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan/ Universiti, Pegawai Perubatan Klinik Panel Universiti/ Ahli Psikologi Klinikal/ Kaunselor bertauliah Kerajaan/ Universiti.
- (3) Bagi permohonan rayuan ke Fakulti/ Program lain, pelajar perlu memenuhi syarat-syarat berikut:
- (a) mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) tidak kurang daripada 1.9;
- (b) menunjukkan prestasi Purata Nilai Gred (PNG) yang meningkat dalam dua (2) semester terakhir;
- (c) mempunyai kelayakan masuk yang setara dengan pelajar sedia ada di Fakulti/ Program;
- (d) penawaran masuk bergantung kepada kekosongan tempat;

- (e) pertukaran hanya dibenarkan sekali sahaja;
 - (f) pemindahan kredit secara mendatar tidak dibenarkan.
- (4) Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada PTj Pengurus Akademik berkenaan dalam tempoh empat (4) minggu selepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan dan setiap rayuan hendaklah disertai dengan bayaran yang ditetapkan. Bayaran ini tidak boleh dituntut balik. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak boleh diberikan pertimbangan.
 - (5) Apabila menerima sesuatu rayuan, PTj Pengurus Akademik berkenaan hendaklah merujuk rayuan berkaitan kepada Dekan Fakulti berkenaan. Dekan Fakulti hendaklah melantik suatu Jawatankuasa Rayuan untuk mempertimbangkan rayuan.
 - (6) Jawatankuasa Rayuan tersebut hendaklah terdiri daripada Dekan sebagai Pengerusi, Timbalan Dekan yang berkaitan dengan Hal Ehwal Akademik Pelajar, Ketua Jabatan/ Ketua Program/ Pengerusi Pusat yang berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang ahli Fakulti yang berkaitan dengan pengajaran/pembelajaran bagi pelajar serta Penolong Pendaftar sebagai Setiausaha.
 - (7) Jawatankuasa Rayuan tersebut hendaklah mempunyai bidang kuasa berikut:
 - (a) menerima atau menolak sesuatu rayuan;
 - (b) membuat keputusan terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan;
 - (c) memperakukan kepada Fakulti keputusan yang telah dicapai terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan termasuk rayuan yang tidak layak dipertimbangkan.
 - (8) Perakuan yang dibuat oleh Fakulti mengenai perkara tersebut hendaklah dikemukakan kepada Senat untuk pengesahan / kelulusan.
 - (9) Setiap keputusan yang dibuat oleh Fakulti di bawah peraturan ini dan telah disahkan/diluluskan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya tidak akan dipertimbangkan.

Rayuan Untuk Meneruskan Semula Pengajian Setelah “Diberhentikan sebab Tidak Mendaftar”

45. (1) Seseorang pelajar yang diberhentikan kerana tidak mendaftar boleh mengemukakan rayuan untuk meneruskan pengajian secara bertulis kepada PTj Pengurus Akademik berkenaan dalam tempoh tidak melebihi dua (2) semester dengan dikenakan bayaran proses dan denda lewat mendaftar seperti yang ditetapkan. Apabila sesuatu rayuan diterima, permohonan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Fakulti untuk kelulusan.
- (2) Tempoh tidak mendaftar di bawah subperaturan 45(1) akan dikira sebagai tempoh Tangguh Pengajian dan tertakluk kepada tempoh penangguhan yang dibenarkan.
- (3) Tempoh tidak mendaftar tidak dikira sebagai sebahagian keperluan tempoh maksimum yang dibenarkan untuk mendapat sesuatu Ijazah.

BAHAGIAN VIII

AM

Umum

46. Senat berhak untuk mengambil tindakan yang wajar termasuk menangguh atau memberhentikan seseorang pelajar dari pengajian pada bila-bila masa jika pelajar didapati–
- (a) memberi maklumat palsu berkenaan syarat kemasukan atau sepanjang tempoh pengajiannya atau bagi tujuan mendapatkan Ijazah;
 - (b) ketidakupayaan dari segi mental atau fizikal untuk meneruskan pengajian yang disahkan oleh pakar perubatan;
 - (c) gagal mengekalkan prestasi akademik yang baik sepertimana yang ditetapkan oleh Universiti;
 - (d) pengajian melebihi tempoh yang dibenarkan di bawah peraturan 17;

Pelajar Tanpa Ijazah

47. Fakulti diberi kuasa menerima masuk seseorang sebagai Pelajar Tanpa Ijazah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.

Kuasa Senat

48. (1) Senat mempunyai kuasa untuk membuat, membatalkan atau meminda peruntukan Peraturan-peraturan ini atau mengeluarkan apa-apa arahan dari semasa ke semasa ke maksud melaksanakan fungsi dan kewajipannya.
- (2) Senat boleh membenarkan apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada kehendak-kehendak Peraturan ini.

Garis Panduan

49. Fakulti boleh membuat apa-apa garis panduan sebagaimana perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan peraturan ini dengan kelulusan Senat. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan di antara garis panduan dan Peraturan ini, peruntukan garis panduan yang bercanggah itu hendaklah terbatal setakat percanggahan itu.

Permulaan kuat kuasa

50. Peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat dari semasa ke semasa hendaklah berkuat kuasa terhadap pelajar yang mendaftar pada dan selepas tarikh berkuat kuasa Peraturan-peraturan ini.

Tanggungjawab Pelajar

51. (1) Setiap pelajar adalah sentiasa tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia 2010, statut-statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan, garis panduan, pekelling-pekelling serta arahan-arahan lain oleh Universiti yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.
- (2) Pelajar perlu menyempurnakan tanggungjawab berikut untuk membolehkan Universiti memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan –
- (a) memahami, menghayati dan mematuhi segala perkara yang digariskan di bawah subperaturan 51(1);
 - (b) mengambil tindakan sewajarnya bersesuaian dengan peraturan yang digariskan dalam peraturan ini iaitu;
 - (i) menyempurnakan semua keperluan akademik seperti yang termaktub dalam kurikulum program pengajian yang diikuti di Universiti;
 - (ii) membuat pendaftaran kursus dalam tempoh yang ditetapkan;
 - (iii) membayar yuran/hutang Universiti mengikut masa dan jumlah yang ditetapkan;
 - (iv) menghadiri kuliah/ latihan amali/ latihan industri/ praktikum/ klinikal yang ditetapkan oleh Fakulti serta sebarang keperluan tambahan lain yang diarahkan oleh Universiti dari masa ke masa melalui mana-mana peraturan/ garis panduan / pekelling / arahan yang berkuatkuasa;
 - (v) mengambil tindakan proaktif bagi mendapatkan panduan dan nasihat daripada pensyarah, Penasihat Akademik pelajar, staf pentadbiran dan pihak pengurusan Fakulti/ Institut sekiranya berhadapan sebarang permasalahan akademik;
 - (vi) bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang implikasi yang timbul akibat dari ketidakpatuhan terhadap mana-mana undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.
 - (c) mana-mana pelajar yang melakukan kesalahan tatatertib termasuklah mengacau ganggu atau mengancam kakitangan dan pelajar adalah tertakluk kepada tindakan di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

Pemansuhan

52. (1) Peraturan-peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Sarjana Muda) 2020 yang berkuatkuasa pada 19 Ogos 2020 adalah dimansuhkan.
- (2) Apa-apa hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan dan obligasi di bawah peraturan yang dibatalkan hendaklah terus berkuatkuasa dan mempunyai kesan sehingga berkuatkuasanya peraturan ini.

Akta, Perlembagaan, Statut, Peraturan, Kaedah dan Lain-lain

53. Peraturan ini hendaklah dibaca bersama Akta, Perlembagaan UKM, Statut, Peraturan, Kaedah, Garis Panduan, Pekelling dan Arahan-Arahan lain yang diterima pakai oleh Universiti termasuk pindaan-pindaan terhadapnya dari semasa ke semasa.

Diluluskan oleh Senat Universiti Kebangsaan Malaysia pada 31 Julai 2024

JADUAL 1: KESETARAAN SKOR BAHARU MUET/IELTS/TOEFL/ IET

English Competency	Types of Examination	CEFR Low B1	CEFR Mid B1	CEFR High B1	CEFR Low B2	CEFR Mid B2	CEFR High B2
MUET	MUET	B3.0		B3.5	B4.0		B4.5
IELTS	IELTS/ IELTS Online	4.0	4.5	5.0	5.5	6.0	6.5
TOEFL	TOEFL iBT	30 - 31	33	40	46	60	79
	TOEFL Essentials (Online)	5	6.5	7.5	8	8.5	9.5
Pearson Test Of English	PTE Academic / PTE Academic (Online)	36	43	47	51	59	63
Cambridge English Placement Test (CEPT)	(i) B1 Preliminary, B2 First, C1 Advanced, C2 Proficiency	140	147	154	160	169	176
	(ii) Linguaskill Online						
	(iii) Occupational English Test (OET) (Conventional / Online)	-	-	-	200	250	300
ELS	Certified Intensive English Programme Level (CIEP Level	106		107	108	109	

Kelulusan Senat ke-495, bertarikh 29 Mac 2023

JADUAL 2: JUMLAH KREDIT KURSUS WAJIB UNIVERSITI

Domain CITRA	Jumlah Kredit
Citra Wajib	10
Citra 1	2
Ciira 2	2
Citra 3	2
Citra 4	2
Citra 5	2
Citra 6	2
JUMLAH	22

**Nota: Keperluan Kredit Kursus Wajib Universiti ini adalah berkuatkuasa bermula pada kohort Sesi Kemasukan 2022/2023 (Kelulusan Senat Ke-485 bertarikh 20 April 2022.)*

JADUAL 3: SKALA PEMARKAHAN PEPERIKSAAN IJAZAH SARJANA MUDA

FAKULTI			FPER, FFAR, FGG	FUU, FPEND, FSK, FEP	FPI, FTSM, PPCU, FKAB, FSSK, FST
GRED	SKALA MARKAH	NILAI GRED	TARAF	TARAF	TARAF
A	80-100	4.00	CEMERLANG	CEMERLANG	CEMERLANG
A-	75-79	3.67			
B+	70-74	3.33	KEPUJIAN	KEPUJIAN	KEPUJIAN
B	65-69	3.00			
B-	60-64	2.67	LULUS	LULUS	LULUS
C+	55-59	2.33			
C	50-54	2.00			
C-	45-49	1.67			
D+	40-44	1.33	GAGAL	GAGAL	GAGAL
D	35-39	1.00			
E	0-34	0.00			

**Nota: Skala ini adalah terpakai kepada kohort ambilan Sesi Akademik 2022/2023. (Kelulusan Senat ke-487, bertarikh 15 Jun 2022)*

**Jawatankuasa Semakan Peraturan-Peraturan
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pengajian Sarjana Muda) 2024**

Pengerusi

Prof. Madya Dr. Irman Bin Abdul Rahman

Timbalan Pengerusi

Prof. Madya Dr. Zariyantey Binti Abd Hamid

Sekretariat Semakan

Puan Zaimi Binti Makhtar
Puan Norasmah Binti Mohamad Maselan
Puan Rafidah Binti Hassan
Puan Na`imatul Aini Binti Sabli

Ahli Jawatankuasa

Prof. Dr. Zainuddin Bin Sajuri
Prof. Ts. Dr. Wan Aida Wan Mustapha
Prof. Madya Datin Dr. Nor Liza Bt. Abdullah
Prof. Madya Ts. Dr. Zulkefli Mansor
Prof. Madya Dr. Akmal Bin Sabarudin
Prof. Madya Dr. Ernieda Binti Md Hatah
Prof. Madya Dr. Harwati Binti Hashim
Prof. Madya Dr. Jemaima Binti Che Hamzah
Prof. Madya Dr. Masnizah Binti Mohd
Prof. Madya Dr. Norazrina Binti Azmi
Prof. Madya Ir. Dr. Shuhaida Binti Harun
Prof. Madya Dr. Ermy Azziaty Binti Rozali
Dr. Mohd. Zamro Bin Muda
Dr. Nor Atika Binti Md Ashar
Dr. Nurhafilah Binti Musa
Encik Basir Bin Bahir
Encik Amierul Bin Abdullah
Encik Muhamad Izham Bin Azmil
Encik Muhammad Redzuan Bin Zainol Abidin
Encik Ong Chang Ee
Encik Thohir Bin Hasim
Encik Ridzwan Dzulkifle
Encik Khairul Irman Bin Mohd Yusof @ Sutris
Puan Rohana Binti Tan
Puan Muniroh Binti Abdul Razak
Puan Suriani Binti Shuhatdi
Puan Noor Suzilawati Binti Desa
Puan Huda Binti Hela Ladin
Puan Jumriah Binti Nunurung
Puan Latifah Binti Kasmuri
Puan Mazuna Binti Jamaluddin
Puan Nor Shadira Binti Ramli
Puan Nur Syafawati Binti Mohd Kahar
Puan Nurazlinda Binti Nurul Asri
Puan Nurziyanti Binti Mohamad Khan
Puan Rafidah Binti Abdul Aziz
Puan Siti Norazlinawati Bt Syed Mat Zin
Puan Syafura Binti Abdul Halim

Puan Mastura Binti Jamaluddin
Puan Syahida Binti Zainal Abidin
Puan Thilagavathy A/P Appalasamy
Cik Azlina Binti Abu Bakar
Cik Jane Kalang
Cik Suhaida Binti Abd Rahman
Cik Zaiton Binti Arifin